

11/10/1997

Kementerian setuju perluas tugas jabatan bomba

SERDANG, Jumaat - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat diperluaskan dengan memasukkan usaha membantu pihak berkuasa tempatan membersihkan longkang dan parit.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata cadangan itu dikemukakan dalam mesyuarat Menteri Besar/Ketua Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

"Tugas membantu pihak berkuasa tempatan membersih longkang dan parit itu dicadangkan sebagai tambahan kepada tugas tradisi jabatan berkenaan sekarang, iaitu mengawal kebakaran dan menyelamatkan.

"Pagi ini, saya membincangkan cadangan itu dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kami bersetuju dengan tugas tambahan itu, tetapi dengan syarat cadangan berkenaan tidak menjejaskan tugas utama mereka sebagai anggota bomba.

"Kami juga mengkaji kemungkinan menggembeleng anggota bomba sukarela untuk tujuan itu, manakala Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menyediakan kepakaran dan peralatan," katanya kepada pemberita selepas meninjau parit dan longkang di Kampung Baru Selama, dekat sini, petang ini.

Menurutnya, anggota bomba tidak dapat dikerah 100 peratus untuk tugas tambahan itu kerana ia membabitkan soal kesatuan dan tugas profesional mereka.

"Kita berpendapat jika ada permintaan beberapa anggota dihantar untuk membantu anggota bomba sukarela. Dengan cara ini, ia tidak akan menjejaskan kerja utama mereka," katanya.

Semalam, Menteri Besar dan Ketua Menteri dikatakan membangkitkan soal tugas tambahan itu kerana banyak laporan banjir kilat di seluruh negara disebabkan parit atau longkang tersumbat.

Ting berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai peralatan dan kepakaran untuk membantu.

Bagaimanapun, beliau berkata, bantuan itu tidak diberikan secara percuma, kerana mana-mana pihak berkuasa tempatan yang memohon bantuan mereka akan dikenakan caj seperti yang ditetapkan mengikut Akta Perkhidmatan Bomba.

"Berapa caj dan bagaimana ia akan diagihkan belum dibincangkan, tetapi saya yakin keputusan dan butiran mengenai tugas tambahan itu dapat dibuat dalam tempoh seminggu dua akan datang," katanya.

Ting berkata, kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk membersih longkang dan parit, tetapi masalahnya tidak dapat diatasi sepenuhnya.

Pada 1995, sejumlah RM50 juta diperuntukkan untuk tujuan itu dan jumlahnya ditambah kepada RM100 juta, tahun lalu.

Sementara itu, mengulas penubuhan Syarikat Perumahan Negara (SPN), Dr Ting berkata syarikat itu adalah inisiatif kerajaan melengkapi usaha pemaju swasta yang lain.

"Kerajaan tidak bercadang bersaing dengan pemaju swasta, tetapi bekerjasama untuk mengatasi masalah perumahan negara, khususnya rumah kos rendah.

"Kementerian saya memberi sokongan 100 peratus terhadap penubuhan syarikat itu dan sedia membantu dari segi khidmat nasihat dan maklumat," katanya.

(END)